

## **DEFINISI TINGKAH LAKU**

Secara umumnya, tingkah laku adalah apa yang dilakukan atau diperkatakan oleh seseorang individu. Sebagai seorang manusia, sudah pasti kita memiliki tingkah laku yang berbeza-beza disebabkan oleh pengaruh tempat, umur dan sosial. Setiap orang ada yang berkelakuan positif dan ada yang berkelakuan negatif. Tingkah laku ini mudah dijelaskan bahawa semua tindakan manusia yang boleh diperhati, diukur dan dinilai dan sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sedar atau separa sedar. Tingkah laku adalah manifestasi fizikal sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu. Orang-orang yang memiliki nilai-nilai positif akan memiliki tahap keyakinan diri yang teguh. Jika kita lihat, kebanyakan kanak-kanak bermasalah pendengaran memiliki tingkah laku yang negatif, hal ini kerana mereka memiliki nilai-nilai yang terlalu merendahkan diri sendiri, suka salahkan diri dan cepat putus asa. Mereka mudah rasa terabai dan tidak ingin menyusahkan orang lain.

Menurut Garry Martin dan Joseph Pear, tingkah laku adalah perkara yang merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, tindakan, dan reaksi dari segi teknik, aktiviti yang melibatkan otot-otot. Oleh itu, apa sahaja yang kita buat boleh didefinisikan sebagai tingkah laku. Manakala, menurut Carl Rogers pula beliau mengatakan bahawa seseorang individu bertingkah laku mengikut persepsi diri sendiri dan keadaan. Beliau mendefinisikan bahawa tingkah laku terjadi disebabkan diri kita sendiri yang dipengaruhi dengan persekitaran. Sekiranya individu itu mempunyai konsep sendiri yang positif maka dia berupaya berinteraksi dan bertindak dengan lebih yakin. Sebaliknya, jika seseorang itu memiliki nilai yang negatif, maka individu tersebut akan mudah berasa kecewa dan diabaikan. Dari perspektif islam, Imam Al-Ghazali menjelaskan bahawa tingkah laku manusia mempunyai tujuan agama dan kemanusiaan. Tingkah laku normal dan tidak normal adalah berdasarkan kepada kekerapan dan berlaku sepanjang masa dan mempunyai masalah psikologi.

Tingkah laku bermasalah ialah merujuk kepada sebarang tingkah laku sama ada positif ataupun negatif yang menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Jika kita teliti, apa sahaja tingkah laku yang berlaku ketika berada di dalam kelas akan memberikan impak kepada pengajaran. Sebagai contohnya, tingkah laku kanak-kanak bermasalah pendengaran ini akan menjadikan waktu kelas menjadi lebih lama walaupun topik yang dibincangkan hanya sedikit. Hal ini dikatakan

demikian kerana, mereka sering menanyakan soalan yang sama berulang kali disebabkan pendengaran yang tidak jelas dan sentiasa bergantung dengan orang lain di dalam kelas. Oleh itu, guru harus peka dan berempati terhadap muridnya yang mempunyai tingkah laku bermasalah supaya menentu dan melaksanakan strategi dan teknik yang sesuai untuk memodifikasikan tingkah laku mereka yang tidak diinginkan demi menjaga suasana bilik darjah yang kondusif dan mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bagi menarik minat pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik.

Pada kebiasaannya, kanak-kanak yang mengalami gangguan tingkah laku akan menunjukkan tingkah laku yang berlawanan dengan tingkah laku yang seharusnya. Biasanya tingkah laku mereka ini tidak dapat diterima oleh masyarakat dan akan dianggap sebagai tingkah laku anti sosial. Kanak-kanak yang memiliki tingkah laku tersebut akan sukar untuk bergaul dengan orang ramai dan kurang berkomunikasi. Mereka tidak dapat menyampaikan apa yang mereka inginkan dan fikirkan.

Kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran banyak menghadapi tingkah laku sosial yang dilihat perlu kepada intervensi segera. Tingkah laku bertindak agresif terhadap rakan-rakan atau orang lain yang mengambil barang permainan yang disukai dan sikap tidak mahu berkongsi perlu merupakan masalah utama kanak-kanak yang ingin diubah. Tingkah laku gemar mengganggu kanak-kanak lain membuatkan kanak-kanak ditakuti dan hilang rakan kerana rakan merasa takut. Oleh itu, sebagai seorang guru dan ibu bapa yang bertanggungjawab, kita perlu menerapkan nilai suka berkongsi dan tidak mudah memukul orang perlu diterapkan supaya kanak-kanak dapat mengawal tingkah laku yang mengganggu. Kanak-kanak ini masih boleh dibimbing agar mereka menjadi insan yang dapat seimbang.

Secara keseluruhannya, tingkah laku dilakukan oleh semua orang melalui tindakan yang mereka ambil. Tingkah laku positif atau negatif, terpulang dari individu masing-masing. Bagi kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran, perlulah dibimbing dengan sebaik mungkin agar mereka dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan efisien.

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BERMASALAH PENDENGARAN**

Tingkah laku dalam kalangan murid bermasalah pendengaran disebabkan oleh pelbagai faktor. Faktor-faktor ini menyebabkan mereka mengalami masalah tingkah laku yang boleh menjejaskan tahap pembelajaran mereka sendiri dan mengganggu sesi pengajaran yang berlangsung.

Tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran biasanya dipengaruhi oleh keadaan persekitaran rumah seperti tidak dapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Ibu bapa yang sibuk bekerja menyebabkan anak-anak rasa terabai dan tidak diperlukan. Terdapat juga segelintir pihak ibu bapa yang menganggap bahawa kanak-kanak bermasalah pendengaran ini menambahkan komitmen mereka kerana anak yang sentiasa ingin diperhatikan. Ibu bapa yang kurang memberikan perhatian dan tidak mengambil berat tentang perkembangan kanak-kanak ini menyebabkan berlakunya masalah tingkah laku. Hal ini akan menjadikan kanak-kanak lebih suka bersendirian, kurang bergaul dan tidak tahu cara untuk berkomunikasi dengan baik. Persekitaran rumah yang tidak seronok menjadikan kanak-kanak ini tidak minat untuk belajar.

Faktor seterusnya adalah persekitaran sekolah seperti kurikulum terlalu padat dan berfokus pada peperiksaan. Murid akan rasa tertekan dan menunjukkan tingkah laku bermasalah disusuli dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang membosankan, tidak menarik perhatian dan tidak mempunyai objektif yang jelas. Faktor ini menyebabkan wujudnya murid bermasalah. Seterusnya keadaan fizikal sekolah yang padat, panas dan bising menyebabkan murid menunjukkan tingkah laku yang negatif. Murid yang bermasalah pendengaran hanya suka melakukan dan membuat perkara yang mereka minat sahaja. Oleh itu, tanggungjawab seorang guru adalah untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lancar.

Kita sedia maklum bahawa kanak-kanak bermasalah pendengaran memiliki tahap kemahiran komunikasi dan sosial yang sangat terhad. Hal ini kerana mereka tidak dapat menyampaikan idea atau pandangan dengan baik disebabkan masalah yang mereka hadapi. Kesukaran dalam sesuatu tugas juga menjadikan mereka cepat bosan dan tekanan untuk berada di dalam kelas.

## **TINGKAH LAKU KANAK-KANAK BERMASALAH PENDENGARAN**

Terdapat banyak tingkah laku yang dialami oleh kanak-kanak bermasalah pendengaran ini. Disebabkan komunikasi yang terhad, suasana pembelajaran yang tidak sesuai dan selesa menjadikan banyak masalah tingkah laku yang berlaku dalam kalangan mereka. Saya membahagikan tingkah laku kanak-kanak bermasalah pendengaran ini kepada dua iaitu dari segi sosial dan dari segi emosi. Hal ini agar dapat kita lihat dengan lebih jelas tentang apa yang kanak-kanak bermasalah pendengaran ini hadapi.

Tingkah laku kanak-kanak bermasalah pendengaran dari segi sosial yang pertama adalah mereka lebih suka untuk bersendirian. Disebabkan kekurangan yang ada dalam diri mereka, menjadikan mereka rasa rendah diri dan cepat berputus asa. Ibu bapa yang tidak mengambil berat mengenai keadaan mereka membuatkan mereka rasa terabai dan kanak-kanak ini tidak dapat menyampaikan apa yang mereka rasakan dengan baik. Mereka juga terlalu bergantung dengan rakan-rakan dan individu lain yang menjadikan mereka rasa menyusahkan orang ramai. Nilai negatif yang ada dalam diri mereka sepatutnya diselesaikan dengan sokongan dan semangat daripada ramai pihak terutama pihak ibu bapa dan guru. Ciri-ciri tingkah laku kanak-kanak yang suka bersendirian ini biasanya akan berlaku secara berulang kali dan berterusan serta melanggar hak asasi orang lain atau melanggar peraturan dan norma masyarakat. Tindakan disiplin dan hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak ini biasanya tidak memberikan sebarang kesan kepada mereka. Antara tingkah laku yang tergolong dalam kategori gangguan tingkah laku dalam kalangan murid-murid sekolah adalah: sering ponteng sekolah

Seterusnya, kanak-kanak ini juga kurang memahami peraturan kelas. Mereka tidak tahu dengan apa yang dimaksudkan dengan peraturan. Kekurangan dari segi pendengaran menyebabkan mereka tidak faham dan tidak dapat mengikuti peraturan yang telah disediakan. Oleh itu, apabila mereka tidak memahami peraturan kelas, mereka akan mengulangi tingkah laku negatif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung seperti mengganggu rakan-rakan yang lain, berasa bosan dan tidak berminat dengan topik pembelajaran yang disampaikan. Kanak-kanak bermasalah pendengaran ini tidak dapat dikenakan sebarang peraturan disebabkan tahap penguasaan komunikasi mereka yang terhad.

Kanak-kanak ini juga seorang yang hanya berminat kepada perkara tertentu sahaja. Mereka tidak suka kepada sesuatu tugas yang terlalu banyak dan sukar buat mereka menyebabkan cepat berasa bosan ketika berada di dalam kelas. Mereka juga suka menentang dan degil untuk mendapat perhatian ataupun mendapat sesuatu yang diinginkan oleh mereka. Antara contoh tingkah laku menentang adalah mereka tidak mendengar arahan, sentiasa berfikiran positif, mudah berputus asa, Kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang suka menentang ini biasanya akan memberikan masalah yang banyak kepada ibu bapa dan guru di dalam kelas terutamanya untuk mematuhi arahan yang diberikan. Contohnya, kanak-kanak jenis ini biasanya tidak mahu menyiapkan kerja rumah ataupun tugas yang diberikan oleh guru.

Dari segi sosial juga, kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran sering mengganggu rakan-rakan mereka yang lain. Disebabkan mereka berasa bosan dan tidak fokus berada di dalam kelas. Oleh itu, bagi mengelakkan murid mengganggu rakan-rakan yang lain, Guru perlu menyediakan latihan dan tugas yang bersesuaian dengan tahap kebolehan murid. Cara ini penting kerana, apabila murid-murid berjaya menyiapkan latihan ataupun tugas yang diberikan kepada mereka dengan baik, mereka akan berasa gembira dan lebih berkeyakinan dan cara ini juga akan membantu mengatasi masalah tingkah laku mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini mampu untuk menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih baik dan efisien.

Dari segi emosi pula, tingkah laku kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran ini suka mengamok dan marah. Mereka mengalami emosi yang tidak stabil, kanak-kanak ini tidak memahami dan tidak sedar bahawa tingkah laku yang ditunjukkan oleh mereka merupakan suatu tingkah laku yang tidak disenangi oleh orang lain ataupun bersifat keterlaluan sekiranya mereka tidak ditegur serta dibimbing. Apabila kehendak mereka sahaja yang dituruti, hal ini akan menjadi lebih parah dan berlanjutan. Sebagai contoh, kanak-kanak lazimnya gemar bertingkah laku mengamuk apabila kehendak mereka tidak dipenuhi oleh ibu bapa mereka. Tingkah laku mengamuk ini biasanya berhasil kerana ibu bapa tidak mahu melihat anak mereka mengamuk seperti di kawasan orang ramai ataupun pasaraya. Kanak-kanak yang sudah terlazim dengan tingkah laku begini akan selalu “menang” dengan taktik ini akan terus menggunakannya tanpa mengira tempat dan masa. Hal ini tidak sesuai kerana akan membentuk peribadi anak yang sentiasa ingin diikuti keinginannya.

Seterusnya, mereka juga adalah seseorang yang kekurangan keyakinan diri. Tahap yakin terhadap diri sendiri kurang disebabkan mereka sedar akan kekurangan yang ada pada diri mereka. Komunikasi yang terhad dan sukar untuk berhubung dengan orang lain, menjadikan mereka lebih banyak berdiam. Mereka tidak dapat mendengar dan bercakap dengan baik, mereka akan selalu membandingkan diri mereka dengan orang lain. Oleh itu, sebagai seorang guru hendaklah membiasakan diri memberikan peneguhan seperti kata-kata pujian, kata kata semangat, atau hadiah bagi memperkukuh pencapaian ataupun tingkah laku yang diinginkan. Sesuatu peneguhan positif hendaklah dilakukan dengan konsisten bagi menjamin berulangnya tingkah laku yang diinginkan itu. Dengan ini, tahap keyakinan dalam diri pelajar akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Emosi kanak-kanak ini juga mudah terganggu yang menjadikan mereka seorang yang sensitif dan agresif. Hal ini berlaku kerana kekurangan yang ada pada diri mereka. Sikap kebergantungan dengan orang lain menjadikan mereka sukar untuk berdikari. Mereka akan membandingkan kelebihan yang ada pada orang lain dengan kekurangan diri mereka sendiri. Bagi mengelakkan kanak-kanak bermasalah pendengaran ini rasa terabai di dalam kelas, guru perlulah menjadikan pengajaran lebih ceria dan gembira. Pembelajaran yang menyeronokkan akan mendorong murid-murid untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Oleh itu, guru perlulah menyediakan rancangan pengajaran yang melibatkan pembelajaran yang menyeronokkan. Pembelajaran yang menyeronokkan akan menjadikan suasana pembelajaran di dalam bilik darjah sesuatu yang menggembirakan murid-murid dan seterusnya akan menarik minat serta tumpuan mereka untuk mengikuti proses pembelajaran dengan berkesan. Hal ini sedikit sebanyak dapat mengelakkan murid bermasalah pendengaran untuk bosan dan mengikuti pembelajaran dengan baik.

Secara keseluruhannya, masalah tingkah laku sememangnya sering dihadapi oleh guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Bukannya mudah untuk menguruskan masalah tingkah laku di kalangan murid-murid. Oleh itu, guru dan ibu bapa perlu memikirkan strategi pencegahan ataupun strategi mengurangkan sesuatu tingkah laku yang tidak diinginkan dalam diri kanak-kanak tersebut. Usaha yang konsisten sudah tentu akan mendapat hasil dengan melihat kanak-kanak bermasalah pendengaran ini dapat berdikari dan berjaya.

## **MASALAH YANG AKAN DIHADAPI DISEBABKAN OLEH TINGKAH LAKU NEGATIF KANAK-KANAK BERMASALAH PENDENGARAN**

Salah satu masalah yang akan dihadapi adalah pencapaian akademik kanak-kanak ini akan semakin merosot. Hal ini disebabkan kerana mereka kurang fokus ketika berada di dalam kelas, tidak bergaul dengan orang ramai dan sukar untuk melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan dan bekerjasama dalam kumpulan. Kanak-kanak ini juga kurang keyakinan terhadap diri sendiri yang menyebabkan mereka sukar untuk berinteraksi dan menonjolkan diri dalam kelas, mereka yang cepat berasa bosan menjadikan mereka tidak berminat terhadap pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Kaedah dalam mengatasi, membendung dan mengurangkan tingkahlaku bermasalah ini daripada semakin berleluasa. Antaranya dengan menggunakan kaedah memenuhi kehendak pelajar seperti memahami keperluan pelajar tersebut. Apabila kehendaknya dituruti barulah lama kelamaan murid tersebut dapat memberi perhatian dalam kelas.

Seterusnya, masalah dalam kesukaran untuk membina persahabatan dan hubungan yang akrab. Kanak-kanak bermasalah pendengaran sukar untuk menyesuaikan dengan tempat yang baru, mereka memiliki komunikasi yang terhad. Mereka juga tidak mesra sama ada dengan guru dan rakan. Hal ini menyebabkan keadaan selesa apabila bersua sukar untuk dicapai. Kanak-kanak ini gemar untuk bersendirian berbanding melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti luar. Oleh hal yang demikian, guru perlu sentiasa mewujudkan hubungan rapat dengan murid agar mereka berasa selesa dan selamat untuk berada bersama dengan guru berkenaan.

Individu yang menghadapi masalah pendengaran juga sukar untuk mendapatkan atau mengekalkan pekerjaan. Mereka yang lebih mudah berasa sensitif, kurang berkomunikasi, sukar bergaul amat susah untuk menjalankan pekerjaan yang mereka jalankan, lebih-lebih lagi mereka cepat untuk berasa bosan dalam sesuatu perkara yang mereka lakukan. Mereka yang terlalu bergantung dengan orang lain menyebabkan mereka rasa menyusahkan rakan sekerja untuk membantu mereka. Akhir sekali, masalah yang dihadapi adalah, mereka sukar untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Kanak-kanak ini tidak tahu bagaimana hendak menyampaikan perasaan mereka dan apa yang mereka fikirkan dengan baik, mereka juga memiliki emosi yang tidak stabil menjadikan mereka orang yang berada dalam keadaan sukar sekiranya berlaku sesuatu masalah.

## **DEFINISI PENGURUSAN TINGKAH LAKU**

Pengurusan tingkah laku boleh didefinisikan sebagai satu rancangan untuk memodifikasikan tingkah laku bermasalah ke satu matlamat yang telah ditetapkan dengan teknik yang sesuai. Setiap guru mesti ada satu bentuk sistem pengurusan tingkah laku kawal kelas, pembelajaran yang sihat dan produktif bagi membimbing tingkah laku positif. Pengurusan tingkah laku juga bertujuan melatih murid mengurus emosi dan membina keyakinan diri supaya dapat disesuaikan dalam kehidupan bermasyarakat. Aspek-aspek keselamatan diterapkan bagi membantu murid mengenal pasti perkara-perkara yang membahayakan diri sendiri, orang lain, komuniti dan masyarakat. Secara tidak langsung komponen ini diajar supaya dapat meningkatkan tahap kesediaan belajar murid serta memupuk sikap positif terhadap pembelajaran.

## **KEPENTINGAN PENGURUSAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BERMASALAH PENDENGARAN**

Pengurusan tingkah laku penting bagi mewujudkan suasana tenang dan kondusif dalam bilik darjah supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan licin, berkesan, dan penuh ceria. Apabila pelajar yang bermasalah daripada segi disiplin ini tidak wujud dalam kelas, tidak ada pelajar yang membuat bising dan mengganggu pelajar lain belajar. Hal ini dapat memastikan bahawa sesi pengajaran berjalan dengan baik dan efisien. Kanak-kanak juga menjadi lebih tekun dan produktif apabila mereka mempunyai tingkah laku positif. Apabila mereka mengikut arahan, jadual mereka dan tingkah laku mereka dapat berubah. Mereka dapat melakukan sesuatu perkara secara sistematik dan mengikut laluan yang betul tanpa menyalahi peraturan. Mereka dapat menjadi lebih produktif lagi dalam menghasilkan idea yang menarik dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang kemahiran.

Kanak-kanak ini juga akan lebih fokus dan tidak berasa cepat bosan ketika berada di dalam kelas. Mereka akan mengikuti pembelajaran yang menjadikan mereka mudah untuk lebih faham. Pengurusan tingkah laku menjadikan tingkah laku kanak-kanak masalah pendengaran ini menjadi lebih baik. Pembangunan tingkah laku terpuji yang tinggi dalam kalangan pelajar mampu melatih pelajar dengan dengan nilai-nilai murni seperti kepatuhan, tanggungjawab, kasih sayang, berkerjasama, cintakan kebersihan dan hormat menghormati.



Akhir sekali, masa dapat dijamin kerana segala tugas dapat disiapkan dalam tempoh masa yang lebih singkat. Disiplin diri yang tinggi membentuk mereka menepati masa dan tidak membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak perlu dilakukan. Sebagaimana yang kita tahu, pelajar kini lebih banyak melakukan tingkah laku bermasalah sehingga hilang pegangan dan hala tuju.